

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA AMALAN 23****TATACARA PENYENARAIAAN BAGI PEMOHON TERTENTU**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009
Tarikh semakan:	Perenggan 4.04, 4.09, 4.14, 4.16, 4A.06, 4A.20, 4A.29 dan 15.03
	22 September 2011, 25 Mac 2013, 27 Januari 2015, 1 April 2015, 13 Julai 2015, 3 Mei 2016, 2 Januari 2018, 9 April 2018, 2 Januari 2019

1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini menyatakan kehendak-kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan bagi penerimaan masuk oleh REIT di bawah perenggan 4.04, ETF di bawah perenggan 4.09, syarikat pemerolehan kegunaan khas di bawah perenggan 4.14, dan amanah perniagaan di bawah perenggan 4.16 Kehendak-Kehendak Penyenaian masing-masing:

- (a) tatacara penerimaan masuk;
- (b) bentuk permohonan penyenaian awal dan dokumen sokongan;
- (c) aku janji dan pengesahan oleh pengarah SPAC, pemegang amanah, syarikat pengurusan, pengurus pemegang amanah, pengarah syarikat pengurusan REIT dan ETF, dan pengarah pengurus pemegang amanah; dan
- (d) kehendak-kehendak lain yang berkenaan.

BAHAGIAN I PERMOHONAN PENYENARAIAAN OLEH REIT**2.0 Tatacara yang berhubung dengan penyenaian REIT**

2.1 Tatacara yang berhubung dengan penerimaan masuk yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 Nota Amalan 21 terpakai bagi penyenaian REIT.

3.0 Bentuk permohonan penyenaiaan dan dokumen sokongan

- 3.1 Syarikat pengurusan mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN23-A; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN21-A (jika berkenaan) dan Bahagian B Lampiran PN23-A.

4.0 Aku janji dan pengesahan

- 4.1 Pemegang amanah dan syarikat pengurusan mesti memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-B.
- 4.2 Syarikat pengurusan mesti memastikan bahawa –
- (a) tiap-tiap pengarah syarikat pengurusan memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-C; dan
 - (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan surat kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-D.

5.0 Penyenaiaan unit yang diterbitkan dan belum diterbitkan

- 5.1 Syarikat pengurusan mesti mematuhi perenggan 6.0 Nota Amalan 21 seolah-olah ia pemohon yang disebut dalam perenggan 6.0 itu, dengan ubah suaian yang perlu.

BAHAGIAN II PERMOHONAN PENYENAAIAN OLEH ETF**6.0 Tatacara yang berhubungan dengan penyenaiaan ETF**

- 6.1 Tatacara yang berhubungan dengan penerimaan masuk yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 Nota Amalan 21 terpakai bagi penyenaiaan ETF.

7.0 Permohonan penyenaiaan

- 7.1 Syarikat pengurusan mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaiaan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN23-E; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN21-A (jika berkenaan) dan Bahagian B Lampiran PN23-E.
- 7.2 Syarikat pengurusan mesti memastikan permohonan penyenaiaan yang disebut dalam perenggan 7.1 di atas meliputi semua unit yang diluluskan bagi penyenaiaan oleh SC, termasuk amaun yang belum diterbitkan yang dirizabkan untuk penerbitan yang berikutnya.

8.0 Aku janji dan pengesahan

- 8.1 Pemegang amanah dan syarikat pengurusan mesti memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-F.
- 8.2 Syarikat pengurusan mesti memastikan bahawa –
- (a) tiap-tiap pengarah syarikat pengurusan memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-G; dan
 - (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan surat kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN23-H.

9.0 Penyenaian sekuriti yang diterbitkan dan belum diterbitkan

- 9.1 Syarikat pengurusan mesti mematuhi perenggan 6.0 Nota Amalan 21 seolah-olah ia pemohon yang disebut dalam perenggan 6.0 itu, dengan ubah suaian yang perlu.

BAHAGIAN III PERMOHONAN PENYENARAIAN OLEH SYARIKAT PEMEROLEHAN KEGUNAAN KHAS**10.0 Tatacara yang berhubungan dengan penerimaan masuk syarikat pemerolehan kegunaan khas**

- 10.1 Tatacara yang berhubungan dengan penerimaan masuk yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 Nota Amalan 21 terpakai bagi penyenaian oleh SPAC.

11.0 Bentuk permohonan penyenaian dan dokumen sokongan

- 11.1 SPAC mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN23-I; dan
 - (b) dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN23-I (jika berkenaan).

12.0 Aku janji dan pengesahan

- 12.1 SPAC mesti memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN21-B.
- 12.2 SPAC mesti memastikan bahawa –
- (a) tiap-tiap pengarah SPAC memberikan aku janji kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN21-C; dan
 - (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberikan surat kepada Bursa dalam bentuk Lampiran PN21-D.

BAHAGIAN IV PERMOHONAN PENYENARAIAN OLEH AMANAH PERNIAGAAN

- 13.0 Tatacara dan kehendak-kehendak yang berhubungan dengan penyenaraian amanah perniagaan**
- 13.1 Kehendak-kehendak dalam Bahagian I di atas terpakai bagi penyenaraian amanah perniagaan seolah-olah pengurus pemegang amanah ialah pemegang amanah atau syarikat pengurusan yang disebut dalam Bahagian I itu, dengan ubah suaian yang perlu.
- 13.2 Sebagai tambahan kepada perenggan 13.1, jika SC mengenakan moratorium pada penjualan sekuriti, pengurus pemegang amanah juga mesti memasukkan aku janji dalam permohonan penyenaraian awal bahawa maklumat yang berikut mengenai moratorium itu akan dikemukakan kepada Depositori sebelum disenaraikan:
- (a) nama pemegang sekuriti;
 - (b) bilangan sekuriti; dan
 - (c) tarikh tamat moratorium.

LAMPIRAN PN23-A

Bahagian A

Permohonan penyenaiaan awal berkenaan dengan REIT
(perenggan 3.1(a))

1.	Nama dana amanah	
2.	Nama syarikat pengurusan	
3.	Bilangan unit yang dimohon untuk disenaraikan	
4.	Denominasi mata wang yang unit baharu akan disenaraikan dan disebut harga	<p>(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/></p> <p>(b) Lain-lain: (Sila nyatakan) <input type="checkbox"/></p> <p>-----</p> <p>Sekiranya unit baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperolehi?</p> <p style="text-align: right;">Ya <input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: right;">Tidak <input type="checkbox"/></p>
5.	Tebaran unit proforma	[]% dan [] pemegang unit awam
6.	Tarikh penyenaiaan tentatif (nyatakan)	
7.	Nama ringkas 3 saham keutamaan teratas (terhadap kepada 7 aksara)	<p>(a) Pilihan 1:</p> <p>(b) Pilihan 2:</p> <p>(c) Pilihan 3:</p>
8.	Aku janji	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaiaan dan sebut harga unit;</p> <p>(b) semua unit berperingkat pari passu dalam semua aspek antara satu sama lain;</p>

Lampiran PN23-A
Permohonan penyenaraian awal (REIT)

		<p>(c) semua maklumat pengumpulan akan dikemukakan kepada Depositori untuk pengkreditan unit ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing;</p> <p>(d) tebaran unit akan mematuhi perenggan 4.07 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama ("LR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa");</p> <p>(e) jadual pengagihan yang menunjukkan pematuhan terhadap tebaran unit yang disebut dalam butiran (d) di atas, sebagaimana Bahagian B(1)(d) Lampiran PN21-A akan diberikan kepada Bursa pada hari pertama penyenaraian;</p> <p>(f) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki dipenuhi sebelum penyenaraian dan sebut harga unit, akan dipenuhi;</p> <p>(g) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaraian dan/atau sebut harga unit itu termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(h) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengumuman permohonan penyenaraian, bahawa pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana aka janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (f) atau mana-mana hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (g) di atas; dan</p> <p>(i) untuk mengumumkan kepada Bursa mengikut perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Amalan 21.</p>
<p>_____ [Penandatanganan Penasihat Utama yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>_____ [Penandatanganan syarikat pengurusan yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

Bahagian B**Dokumen tambahan yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaraian awal berkenaan dengan REIT**

(perenggan 3.1(b))

- (1) Syarikat pengurusan mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan penyenaraian bagi REIT:
- (a) salinan surat ikatan amanah yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan berserta dengan surat pematuhan menurut perenggan 2.12 dan senarai semak yang menunjukkan pematuhan terhadap Lampiran 4A Kehendak-Kehendak Penyenaraian;

**Lampiran PN23-A
Permohonan penyenaraian awal (REIT)**

- (b) salinan perlembagaan syarikat pengurusan dan semua pindaan sehingga kini;
 - (c) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN23-B yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemegang amanah dan syarikat pengurusan berserta dengan cabutan sah terperinci ketetapan lembaga pengarah pemegang amanah dan syarikat pengurusan yang memberi kuasa kepada penandatangan;
 - (d) surat aku janji dalam bentuk Lampiran 23-C yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah syarikat pengurusan;
 - (e) surat dalam bentuk Lampiran 23-D yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pengarah bebas syarikat pengurusan; dan
 - (f) surat pemberitahuan yang dikeluarkan oleh syarikat pengurusan bagi pelantikan pengurus penstabilan yang termasuk -
 - (i) jika pengurus penstabilan ialah Organisasi Peserta, nama, alamat perniagaan dan orang yang boleh dihubungi bagi Organisasi Peserta, nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan;
 - (ii) jika pengurus penstabilan bukan Organisasi Peserta, nama dan alamat perniagaan orang yang dilantik sebagai pengurus penstabilan dan orang yang boleh dihubungi, nama Organisasi Peserta dan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang telah dilantik untuk menjalankan tindakan penstabilan;
 - (iii) jika pengurus penstabilan dilantik di luar Malaysia, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi bagi pengurus penstabilan yang dilantik di wilayah bidang kuasa itu, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi bagi Organisasi Peserta yang dilantik di Malaysia untuk menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia, bersama dengan nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia; atau
 - (iv) suatu aku janji untuk memaklumkan Bursa tentang perubahan selanjutnya pada pengurus penstabilan, pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal atau Organisasi Peserta, jika berkenaan, dengan serta-merta apabila berlaku perubahan itu.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan dalam mana-mana hal, syarikat pengurusan mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-B
Aku janji oleh pemegang amanah/syarikat pengurusan (REIT)

LAMPIRAN PN23-B

Aku janji oleh pemegang amanah dan syarikat pengurusan REIT
(perenggan 4.1)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur.

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**")

Sebagai balasan Bursa Securities yang meluluskan permohonan penerimaan masuk [nama amanah pelaburan harta tanah] ("**Amanah**") ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") dan bagi sebut harga rasmi unit yang diperihalkan dalam permohonan penyenaraian kami, KAMI, [nama pemegang amanah dan syarikat pengurusan] MENGAKUI bahawa Amanah akan kekal dalam Senarai Rasmi, dan sebut harga rasmi mana-mana unit Amanah akan berterusan hanya selama yang dikehendaki oleh Bursa Securities dan KAMI MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Kaedah-Kaedah Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi Amanah.

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh kami sebagai –

(i)[jawatan][pemegang amanah] menurut kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan lembaga pengarah pemegang amanah tersebut pada

(ii)[jawatan][syarikat pengurusan] menurut kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan lembaga pengarah syarikat pengurusan tersebut pada

Tarikh:
Pemegang Amanah:
Tandatangan:
Nama:

Tarikh:
Syarikat pengurusan:
Tandatangan:
Nama:

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-C
Aku janji oleh pengarah syarikat pengurusan (REIT)

LAMPIRAN PN23-C

Aku janji oleh pengarah syarikat pengurusan REIT

(perenggan 4.2(a); perenggan 15.03(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah[nama syarikat pengurusan] ("**Syarikat**") #yang telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") bagi amanah pelaburan harta tanah.....[nama amanah] ("**Amanah**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") / bagi amanah pelaburan harta tanah[nama amanah] ("**Amanah**") yang disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Securities.

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Syarikat bagi penerimaan masuk Amanah ke Senarai Rasmi / membenarkan penyenaraian berterusan Amanah di Senarai Rasmi, SAYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Syarikat.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN23-D

Surat pengesahan oleh pengarah bebas syarikat pengurusan REIT
(perenggan 4.2(b); perenggan 15.03(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pengesahan "kebebasan" menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah [nama syarikat pengurusan amanah pelaburan harta tanah] bagi amanah pelaburan harta tanah.....[nama amanah] ("**Amanah**") yang #telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities / disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Securities.

Saya MENGESAHKAN DAN MENGAKU bahawa saya ialah anggota bebas sebagaimana yang ditakrifkan dalam Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tentang Amanah Pelaburan Harta Tanah Tersenarai.

**Pengesahan ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Pengesahan ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing bebas sahaja

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-E
Permohonan penyenaian awal (dana dagangan bursa)

LAMPIRAN PN23-E

Bahagian A
Permohonan penyenaian awal berkenaan dengan ETF
(perenggan 7.1(a))

1.	Nama dana	
2.	Nama syarikat pengurusan	
3.	Bilangan unit yang dimohon untuk disenaraikan	
4.	Tarikh penyenaian tentatif (nyatakan)	
5.	Nama ringkas 3 saham keutamaan teratas (terhad kepada 7 aksara)	(a) Pilihan 1: (b) Pilihan 2: (c) Pilihan 3:
6.	Aku janji	Kami mengaku janji yang berikut: (a) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaian dan sebut harga unit, atau jika ia berhubungan dengan unit baharu yang diterbitkan selepas penyenaian, apabila unit baharu itu diwujudkan, mengikut mana-mana yang berkenaan; (b) semua unit yang diterbitkan akan berperingkat pari passu dalam semua aspek antara satu sama lain, atau jika ia berhubungan dengan unit baharu yang diterbitkan selepas penyenaian, unit itu akan berperingkat pari passu dalam semua aspek dengan unit sedia ada; (c) semua maklumat pengumpulan akan dikemukakan kepada Depositori untuk pengkreditan unit yang diterbitkan; (d) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki dipenuhi sebelum penyenaian dan sebut harga unit telah dipenuhi, atau jika ia berhubungan dengan unit baharu yang diterbitkan selepas penyenaian, syarat itu akan dipenuhi, mengikut mana-mana yang berkenaan; (e) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaian dan/atau sebut harga unit itu termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah

Lampiran PN23-E
Permohonan penyenaiaan awal (dana dagangan bursa)

		<p>undang-undang;</p> <p>(f) berhubung dengan unit baharu yang diterbitkan selepas penyenaiaan, tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga unit itu, termasuk apa-apa perintah, injuksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p> <p>(g) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaiaan, bahawa pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (d) atau apa-apa hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (e) dan (f) di atas; dan</p> <p>(h) untuk mengumumkan kepada Bursa mengikut perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Amalan 21.</p>
<p>[Penandatanganan syarikat pengurusan yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		

Bahagian B

Dokumen tambahan yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaiaan berkenaan dengan ETF

(perenggan 7.1(b))

- (1) Syarikat pengurusan mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan penyenaiaan ETF:
 - (a) salinan surat ikatan amanah yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (b) salinan perlembagaan syarikat pengurusan dan semua pindaan sehingga kini;
 - (c) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN23-F yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemegang amanah dan syarikat pengurusan berserta dengan cabutan sah terperaku ketetapan lembaga pengarah pemegang amanah dan syarikat pengurusan yang memberi kuasa kepada penandatanganan;
 - (d) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN23-G yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah syarikat pengurusan; dan
 - (e) surat dalam bentuk Lampiran PN23-H yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah bebas syarikat pengurusan.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan dalam mana-mana hal, syarikat pengurusan mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-F
Aku janji oleh pemegang amanah/syarikat pengurusan
(dana dagangan bursa)

LAMPIRAN PN23-F

Aku janji oleh pemegang amanah dan syarikat pengurusan ETF
(perenggan 8.1)

Kepada:
Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur.

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**")

Sebagai balasan Bursa Securities meluluskan permohonan bagi penerimaan masuk [nama dana dagangan bursa] ("**ETF**") ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") dan bagi sebut harga rasmi unit yang diperihalkan dalam permohonan penyenaraian kami, KAMI,[nama pemegang amanah dan syarikat pengurusan] MENGAKUI bahawa ETF hendaklah kekal dalam Senarai Rasmi, dan sebut harga rasmi mana-mana unit ETF hendaklah berterusan hanya selama yang dikehendaki oleh Bursa Securities dan KAMI MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Kaedah-Kaedah Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi ETF.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh kami sebagai –

(i)[jawatan][pemegang amanah] menurut kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan lembaga pengarah pemegang amanah tersebut pada

(ii)[jawatan][syarikat pengurusan] menurut kuasa yang diberikan kepada saya mengikut ketetapan lembaga pengarah syarikat pengurusan tersebut pada

Tarikh:
Pemegang amanah:
Tandatangan:
Nama:

Tarikh:
Syarikat pengurusan:
Tandatangan:
Nama

** Terpakai bagi pemegang amanah dan syarikat pengurusan asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-G
Aku janji oleh pengarah syarikat pengurusan
(dana dagangan bursa)

LAMPIRAN PN23-G

Aku janji oleh pengarah syarikat pengurusan ETF

(perenggan 8.2(a); perenggan 15.03(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah[nama syarikat pengurusan] ("**Syarikat**") #yang telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") bagi dana dagangan bursa[nama dana] ("**ETF**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities ("**Senarai Rasmi**") / bagi dana dagangan bursa[nama dana] ("**ETF**") yang disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Securities.

Sebagai balasan Bursa Securities #meluluskan permohonan Syarikat bagi penerimaan masuk ETF ke Senarai Rasmi / membenarkan penyenaraian berterusan ETF di Senarai Rasmi, SAYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Syarikat.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN23-H
Pengesahan oleh pengarah bebas
(dana dagangan bursa)

LAMPIRAN PN23-H

Surat pengesahan oleh pengarah bebas syarikat pengurusan ETF
(perenggan 8.2(b); perenggan 15.03(2) Kehendak-Kehendak Penyenaraian)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pengesahan "kebebasan" menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah [nama syarikat pengurusan dana dagangan bursa] bagi dana dagangan bursa[nama dana] ("**ETF**") yang #telah mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("**Bursa Securities**") untuk diterima masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities / disenaraikan di Senarai Rasmi Bursa Securities.

Saya MENGESAHKAN DAN MENGAKU bahawa saya ialah anggota bebas dalam Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tentang Dana Dagangan Bursa.

**Pengesahan ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Pengesahan ini ditadbir dalam semua aspek mengikut undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia

Yang benar,

.....

Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

Potong mengikut kesesuaian

** Terpakai bagi pengarah bebas asing sahaja

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN23-I

Bahagian A

Permohonan penyenaian awal berkenaan dengan SPAC
(perenggan 11.1 (a))

Sila tanda mana-mana yang berkenaan. Sekiranya tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"
[Anda boleh tanda lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

Potong mengikut kesesuaian

1.	Nama syarikat	
2.	Perincian cadangan yang menjadi sebahagian daripada IPO	
	Bilangan & jenis sekuriti yang dimohon bagi penyenaian dan harga terbitan (jika ada)	
3.	Tebaran pemegangan syer awam proforma	<u>SYER BIASA/ SYER KEUTAMAAN</u> []% dan [] pemegang syer awam
4.	Tarikh penyenaian tentatif (nyatakan)	
5.	Nama ringkas 3 saham keutamaan teratas (terhad kepada 7 aksara)	(a) Pilihan 1: (b) Pilihan 2: (c) Pilihan 3:
6.	Denominasi mata wang yang sekuriti baharu akan disenaraikan dan disebut harga	(a) Ringgit Malaysia ("RM") <input type="checkbox"/> (b) Lain-lain: (Sila nyatakan) <input type="checkbox"/> ----- Sekiranya sekuriti baharu disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh?

		Ya <input type="checkbox"/>
		Tidak <input type="checkbox"/>
7.	Aku janji	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <p>(a) penyata pengumpulan akan difailkan dengan Pendaftar menurut Akta Syarikat atau berhubung dengan perbadanan asing, dokumen yang berkenaan yang menunjukkan modal terbitan dan berbayar terkini akan difailkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan menurut undang-undang tempat pemerbadanan;</p> <p>(b) semua notis pengumpulan akan dikeluarkan dan dihantar kepada semua pemohon yang berjaya sebelum tarikh penyenaiaan dan sebut harga sekuriti;</p> <p>(c) semua sekuriti berperingkat pari passu dalam semua aspek antara satu sama lain;</p> <p>(d) tebaran pemegang syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang baginya penyenaiaan dimohon bagi pemohon akan mematuhi perenggan 3.06 Kehendak-Kehendak Penyenaiaan Pasaran Utama ("LR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa");</p> <p>(e) jadual pengagihan sebenar tebaran pemegang syer awam yang disebut dalam butiran (d) di atas, sebagaimana Bahagian B(1)(d) Lampiran PN23-I, akan dikemukakan kepada Bursa pada hari pertama penyenaiaan;</p> <p>(f) jika SC mengenakan moratorium pada penjualan sekuriti, maklumat yang berikut mengenai moratorium akan dikemukakan kepada Depositori sebelum penyenaiaan:</p> <p>(i) nama-nama pemegang sekuriti;</p> <p>(ii) bilangan sekuriti; dan</p> <p>(iii) tarikh tamat moratorium;</p> <p>(g) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga sekuriti, akan dipenuhi;</p> <p>(h) semua maklumat pengumpulan sekuriti baharu akan dikemukakan kepada Depositori untuk pengkreditan sekuriti ke dalam akaun pemegang sekuriti masing-masing;</p> <p>(i) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga sekuriti itu termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang;</p>

Lampiran PN23-I
Permohonan penyenaraian awal (SPAC)

		<p>(j) akan dengan serta-merta memaklumkan Bursa apabila menyedari, selepas pengemukakan permohonan penyenaraian, bahawa pemohon telah gagal untuk memenuhi mana-mana aku janji di atas yang disebut dalam perenggan (a) hingga (h) atau tentang mana-mana hal keadaan atau fakta yang disebut dalam perenggan (i) di atas;</p> <p>(k) untuk mengumumkan kepada Bursa maklumat yang berkenaan mengikut perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Amalan 21; dan</p> <p>(l) untuk mengumumkan hasil suku tahun terkini, jika berkenaan, sekurang-kurangnya 2 hari pasaran sebelum tarikh penyenaraian.</p>
<p>[Penandatanganan Penasihat Utama yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>		<p>[Penandatanganan pemohon yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

BAHAGIAN B

Dokumen yang difailkan dengan permohonan penyenaraian
(perenggan 11.1(b))

- (1) Pemohon mesti memfailkan dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan penyenaraian:
- (a) salinan setiap perlembagaan dan semua pindaan sehingga kini dan satu salinan setiap notis pendaftaran/perakuan pemerbadanan, perakuan pertukaran status dan perakuan pertukaran nama, jika ada, berserta dengan surat pematuhan menurut perenggan 2.12 dan senarai semak yang menunjukkan pematuhan peruntukan Bab 7 yang berkenaan;
 - (b) salinan draf prospektus yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau draf dokumen pengenalan;
 - (c) salinan spesimen setiap denominasi perakuan kelas yang akan disenaraikan. Sekiranya pejabat pemindahan dan pendaftar dikekalkan di lebih daripada satu tempat, satu spesimen bagi setiap denominasi perakuan yang digunakan di setiap pejabat (lihat Bab 8 bagi bentuk dan kandungan perakuan);
 - (d) pernyataan tentang peratusan jumlah bilangan syer yang baginya penyenaraian dimohon yang dipegang oleh awam, bilangan pemegang syer awam dan pengagihan syer proforma dalam format yang berikut:

<i>Butir-butir</i>	<i>Bilangan Syer</i>	<i>Bilangan pemegang syer</i>	<i>Peratusan %</i>
--------------------	----------------------	-------------------------------	--------------------

Modal syer

Kurang:

*Pengarah
pemohon dan
subsidiarinya
Pemegang
syer substansial
pemohon (kecuali
jika pemegang syer
itu boleh termasuk
sebagai "awam")*

*Sekutu pengarah
atau pemegang syer
substantial
pemohon*

*Pemegang syer
yang memegang kurang
daripada 100 syer* -----

Pemegangan syer awam

- (e) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-B yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh pemohon berserta dengan cabutan sah terperaku ketetapan lembaga pengarah pemohon yang memberi kuasa kepada penandatanganan;
- (f) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN21-C yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah pemohon;
- (g) surat dalam bentuk Lampiran PN21-D yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah bebas pemohon;
- (h) surat daripada Penasihat Utama pemohon yang mengesahkan semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperolehi;
- (i) salinan setiap surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
- (j) cadangan untuk mengklasifikasikan pemohon dalam sektor tertentu dalam bentuk yang ditetapkan;
- (k) surat pemberitahuan yang dikeluarkan oleh pemohon bagi pelantikan pengurus penstabilan yang termasuk -
 - (i) jika pengurus penstabilan ialah Organisasi Peserta, nama, alamat perniagaan dan orang yang boleh dihubungi bagi Organisasi Peserta, nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan;
 - (ii) jika pengurus penstabilan bukan Organisasi Peserta, nama dan alamat perniagaan orang yang dilantik sebagai pengurus penstabilan dan orang yang boleh dihubungi, nama Organisasi Peserta dan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang telah dilantik untuk menjalankan tindakan penstabilan;

Lampiran PN23-I
Permohonan penyenaian awal (SPAC)

- (iii) jika pengurus penstabilan dilantik di luar Malaysia, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi bagi pengurus penstabilan yang dilantik di wilayah bidang kuasa itu, nama, alamat dan orang yang boleh dihubungi bagi Organisasi Peserta yang dilantik di Malaysia untuk menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia, bersama dengan nama pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal yang akan menjalankan tindakan penstabilan di Malaysia; atau
 - (iv) suatu aku janji untuk memaklumkan Bursa tentang apa-apa perubahan selanjutnya pada pengurus penstabilan, pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal atau Organisasi Peserta, jika berkenaan, dengan serta-merta apabila berlaku perubahan itu; dan
 - (l) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam mana-mana hal, pemohon mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

[Lampiran Tamat]